

Rentas negeri serentak

UM - 9/10/2021 m/d: 3

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**

hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kebenaran merentas negeri akan dilaksanakan serentak di seluruh negara sebaik kadar peratusan vaksinasi mencecah 90 peratus.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ismail Sabri Yaakob berkata, pengumuman mengenai perkara itu dijangka dibuat minggu depan.

“Tunggu saya akan mengumumkan tetapi sudah tak lama dan

akan dibuat serentak seluruh negara. Dulu kita nak beri kebenaran apabila kadar vaksinasi mencecah 80 peratus, tetapi ada lagi negeri yang masih rendah. Kalau buka seluruh negara mungkin akan memberi kesan tidak baik di negeri terbabit.

“Jika kebenaran diberi pada kadar 90 peratus, kita jangkakan rata-rata semua negeri telah mencapai peratusan tertinggi vaksinasi,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Pra Pelancaran Keluarga Malaysia di Auditorium Per-

dana, Angkasapuri semalam.

Kerajaan sebelum ini memutuskan untuk membenarkan rakyat merentas negeri setelah 90 peratus daripada populasi dewasa divaksin dan setakat semalam, angka tersebut mencecah 89.1 peratus.

Sementara itu mengenai Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, Ismail Sabri memberitahu, keputusan untuk menasihatkan Pemangku Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Muizzudin Shah sama ada kerajaan perlu mengisytiharkan darurat

atau meneruskan pilihan raya, hanya akan diketahui minggu hadapan.

Menurut beliau, ia bagi memberi ruang kepada Sultan Nazrin mendapat taklimat berhubung isu berkenaan daripada Peguam Negara, Kementerian Kesihatan dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Katanya, setakat ini Kabinet telah mengadakan mesyuarat dan berbincang berkenaan situasi di negeri tersebut, namun tiada keputusan dimuktamadkan.

ISMAIL Sabri Yaakob (tengah) bersama barisan jemaah menteri selepas Prapelanaran 'Keluarga Malaysia' di Auditorium Perdana, Angkasapuri, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

